

## LAMPIRAN I

### LAGU I

- I. Bismillah itu permulaan nama  
Atas sifat sama bersama  
Keadaan bersama-sama  
Qidam dan Baqa sedialah lama.
- II. Ayuhai sekelian saudara yang hadir  
Tua dan muda besar dan kecil  
Tolong olehmu dan kami berzikir  
Supaya segala aman batin dan zahir.
- III. Ya Illahi Tuhan yang satu  
Nabi Muhammad pesuruh yang satu  
Rahmat Syafaat setiap waktu  
Panjangkan umur budak diendoi.
- IV. Syukur kepada Allah Taala  
Atas mendapat intan gemala  
Memberi sedekah berapa pula  
Dengan sekadar yang ada segala.
- V. Dipanggil sekelian kaum kerabat  
Datang sekelian handai sahabat  
Segala yang ada berkawan semuanya datang  
Dengan selamat.
- VI. Jauh dan dekat datang sekelian  
Besar dan kecil lelaki perempuan  
Setengahnya datang berkawan berjalan  
Setengah berjalan berpayung di awan.
- VII. Allah Tuhan rabbi-ul-alamin  
Perkenalkan kami berendoi budak ini  
Syukur ibu bapa membuat kenduri  
Menyambut budak yang baru lahir.
- VIII. Berdoalah kepada Illahi  
Panjangkan umur murahkan rezeki  
Agar hidup engkau di dunia ini  
Selamat bahagian sampai akhir nanti.
- IX. Harapkan dikau jangan duharkai  
Ibu bapamu yang engkau kasihi  
Itulah semua perintah Illahi  
Ayat al-Quran Tuhan perintahi.

## LAGU 2

- I. Hari Isnin mula terjadi  
Di gua Hira' tempat yang sunyi  
Muhammad beribadat kepada Illahi  
Datang Jibrail membawa wahi.
- II. Muhammad terkejut bila kedengaran  
Suara apatah hai dibunyikan  
Ayat Iqra' kedengaran dialunkan  
Kepada Muhammad Jibrail ajarkan.
- III. Quran diturunkan bulan Ramadhan  
Di gua Hira' Jibrail sampaikan  
Kepada Muhammad rasul pilihan  
Memimpin umatnya ke jalan kebenaran.
- IV. Ramadhan itu bulan yang suci  
Quran diturun oleh Illahi  
Kepada Nabi Muhammad yang dicintai  
Untuk mengajar umat sendiri.
- V. Kitab Quran panduannya umat  
Amat menolong berjalan supaya selamat  
Belajarlah segera dengan cermat  
Allah memberi segala nikmat.
- VI. Jangan ketinggalan duhai sekelian  
Ingin di hati ayat al-Quran  
Untuk kita membuat amalan  
Di akhirat nanti mendapat kebahagiaan.

MINIT MESYUARAT AGONG PIBG  
SEK. KEB. PULAU TUBA I990/I991

KALI KE IO

Tarikh : 4 Julai I990  
 Masa : 2.30 petang  
 Tempat : Sek. Keb. Pulau Tuba  
 Pengerusi : Tuan Haji Othman b. Ahmad  
 Kehadiran : AJK PIBG dan ahli-ahli PIBG

BAHAGIAN A

BIL.	PERKARA/AGENDA	TINDAKAN
I.	<u>Ucapan Pengerusi Majlis</u>	
I.I.	Mengalur=halukan kehadiran para waris pada mesyuarat kali ini.	semua ahli
I.2.	Mengharapkan kerjasama semua untuk menjayakan mesyuarat.	
2.	<u>Bacaan Doa.</u> <u>Tuan Imam membacakan doa.</u>	
3.	<u>Ucapan Naib Yang DiPertua PIBG(En. Abd. Rani Awang)</u>	
3.1	Mengucapkan terima kasih di atas kehadiran para ahli di mesyuarat kali ini.	
3.2	Mengucapkan terima kasih kepada guru kerana berusaha menjayakan mesyuarat.	
3.3	Mengingatkan ahli-ahli supaya memilih AJK yang betul-betul boleh membuat kerja. Ini adalah sering berlaku ketidakhadiran AJK ketika mesyuarat.	semua ahli
3.4	Meminta ibubapa memberi bimbingan kepada anak-anak semasa berada di rumah dan jangan hanya mengharapkan pada guru sahaja.	para waris.

BIL.	PERKARA /AGENDA (a)	TINDAKAN
4	<u>Ucapan Tuan Penasihat (En. Abu Said)</u>	
4.I	Melahirkan rasa kesyukuran kerana dapat turut serta dalam mesyuarat kali ini.	
4.2	Bersyukur juga kerana dapat menunaikan tanggungjawab terhadap anak-anak bangsa dan negara.	
4.3	Memperkenalkan diri serta menceritakan tentang latarbelakang.	
4.4	Melapurkan tentang sekolah :- a. Jumlah murid akan bertambah dari semasa ke semasa menyebabkan kekurangan bilik darjah. b. Mengucapkan terima kasih kepada waris di mana 90% yuran sekolah telah dibayar. c. Yuran PIBG memberi sumbangsara yang terlalu kecil.	makluman ahli
4.5	Membaca semula kata-kata aluan penasihat yang lalu.	
4.6	Meminta kerjasama untuk meningkatkan mutu pendidikan anak-anak kita.	Para waris
4.7	Gejala sosial di kalangan anak-anak muda disebabkan oleh salah didikan.	
4.8	Mengenur tentang penyata kewangan yang salah dari segi perlembagaan.	Bendahari
4.9	Menyeru supaya waris kerap datang ke sekolah kerana sekolah sentiasa terbuka.	Para waris.
4.IO	Meminta supaya PIBG bersatu, memperpratkan hubungan supaya suara-suara didengari dan dipatuhi oleh pihak atasaran.	semua ahli
5	<u>Ucapan Pengurus JK KKKK (En. Azmi Sulaiman)</u>	
5.I	Mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberi ucapan serta merasmikan mesyuarat agong kali ke IO.	
5.2	Mengucapkan terima kasih kepada yang berusaha mengadakan mesyuarat serta kepada ibubapa yang hadir.	
5.3	Meminta PIBG mengatasi kelemahan kerana tidak aktif.	AJK PIBG

BIL.	PERKARA/AGENDA	TINDAKAN
5.4	Meminta ahli PIBG memilih ahli jawatankuasa yang boleh membuat kerja.	semua ahli
5.5	Mengucapkan terima kasih kepada guru-guru kerana mendidik anak-anak.	
5.6	Meminta ibubapa menitikberatkan tentang disiplin anak-anak.	para waris
5.7	Pertambahan murid dan kekurangan kelas boleh diatasi dengan cara meminta kepada kerajaan.	
5.8	Meminta sokongan teguh kepada kerajaan.	semua ahli
5.9	Merasmikan mesyuarat agong kali ke IO.	
6	<u>Jamuan ringan</u>	
6.I	Semua hadirin menikmati jamuan ringan.	

#### BAHAGIAN B : PERSIDANGAN

BIL.	PERKARA/AGENDA	TINDAKAN
I.	<u>Ucapan Aluan Setiausaha PIBG</u> (En. Rasli @ Rosli Yob)	
I.I	Mengharapkan kerjasama ahli supaya mesyuarat dapat dijalankan dengan lancar.	
2.	<u>Perlantikan pengrusi bebas.</u>	
2.I	Tuan penasihat mencadangkan Tn. Hj. Othman Ahmad. En. Mansur Sulaiman menyokong.	
3.	<u>Membentang dan mengesahkan minit mesyuarat agong ke 9.</u>	
3.I.	En. Mansur b. Sulaiman mencadangkan minit mesyuarat agong ke 9 disahkan.	
3.2.	En. Aziz b. Khamis menyokong.	

BIL.	PERKARA/AGENDA	TINDAKAN
4.	<u>Perkara-perkara berbangkit</u>	
4.1.	En. Saad b. Hussin bertanyakan tentang kewangan. Pengerusi menjelaskan bahawa ianya akan dijelaskan apabila mengembangkan penyata kewangan.	Pengerusi
4.2.	En. Aziz b. Khamis bertanyakan tentang tender kantin. Pengerusi menjelaskan bahawa tender kantin akan dikeluarkan pada tahun depan.	Penasihat
4.3.	En. Mansur b. Sulaiman bertanyakan tentang tandas murid. Pengerusi menjelaskan bahawa tandas telah siap tetapi tidak dapat digunakan, kerana ketiadaan air. Penasihat memberitahu bahawa tangki air akan diperbaiki dan air akan diambil dari rumah En. Mashor b. Sulaiman.	Penasihat
4.4.	En. Mansor b. Sulaiman bertanyakan samada masalah tandas di bawah tanggungjawab sekolah atau PPD. Pengerusi menjelaskan bahawa ianya perlu melalui saluran tertentu dan PPD juga telah berusaha.	
4.5.	En. Saad b. Hussin bertanyakan tentang tempat letak basikal murid. Pengerusi menjelaskan bahawa tiada peruntukan, oleh sebab itu tidak dapat dilaksanakan.	Penasihat
4.6.	En. Saad b. Hussin bertanyakan tentang PPD. Pengerusi menjelaskan bahawa beliau tidak dijemput pada tahun ini.	
4.7.	En. Saad b. Hussin bertanyakan tentang pakaian seragam kelas Tajwid. Ustazah kelas Tajwid menjelaskan bahawa tidak semua yang memakai pakaian seragam. Meminta ibu bapa menyempurnakan pakaian anak mereka.	Guru Tajwid
4.8.	En. Aziz b. Khamis bertanyakan tentang sewa kantin. Pengerusi menjelaskan bahawa sewa kantin ialah sebanyak \$6.00 sehari.	Penasihat

BIL.	PERKARA/ AGENDA	TINDAKAN
4.8	En. Mansur Sulaiman bertanya tentang surau. Penasihat menjelaskan bahawa iaanya diserahkan kepada jawatankuasa pembinaan surau.	Penasihat
4.10	En. Zainal Rashid Murad bertanya tentang yuran sekolah apabila bertukar sekolah. Penasihat menjelaskan bahawa iaanya perlu dibayar jika bertukar sebelum 31 Januari.	Penasihat
5.	<u>Membentangkan Penyata Kewangan 1990/91</u>	
5.1	Bendahari membentangkan penyata kewangan.	
5.2	En. Aziz Khamis bertanyakan tentang kasut untuk pasukan bolasepak sekolah. Bendahari menjelaskan bahawa kasut telah dibeli dan iaanya diberikan kepada yang tidak berkasut.	
5.3	En. Saad Hussin bertanyakan tentang wang tanah daripada Tn. Hj. Othman. Bendahari menjelaskan bahawa beliau telah menyerahkan sebanyak \$1.000.00.	
5.4.	En. Mansur b. Sulaiman mencadangkan penyata kewangan disahkan. Cadangan disokong sebulat suara.	
6.	<u>Perletakan Jawatankuasa AJK Sesi 90/91</u>	
6.1	En. Abd. Rani b. Awang mewakili semua AJK mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan ahli sepanjang tahun 90/91.	
7.	<u>Perlantikan AJK 1991/1992</u>	
7.1	Majlis bersetuju melantik - Penasihat : En. Abu b. Said Yang Di Pertua : En. Abu Bakar b. Man Naib Yang Di Pertua : En. Abd. Rani b. Awang Setiausaha : En. Rasli @Rosli b. Yob Bendahari : En. Ahmad Tarmizi b. Mohd. Hashim Makluman semua ahli	
	..... atau Luesa I.C 11 AJK (Johor Islamic Bank) ... Tn. Hj. Cik. En. R. Abd. H.	

BIL	PERKARA/AGENDA	TINDAKAN
4.2	<p><u>Ahli Jawatankuasa Kecil</u>  <u>AJK (Wakil Ibu Bapa)</u></p> <p>I. Tn. Hj. Othman b. Ahmad  2. En. Mashor b. Sulaiman  3. En. Abd. Rashid b. Busu  4. En. Mansur b. Salim  5. Pn. Sti Awan bt. Baharum  6. Pn. Yang bt. Mustaffa  7. Pn. Kasma bt. Hj. Yunus</p>	Makluman semua ahli
7.3	<p>AJK di kalangan guru dilantik oleh Tuan Penasihat.</p> <p><u>AJK (Wakil Guru)</u></p> <p>I. En. Abu Hassan b. Abd. Rahman  2. En. Abdul Ghoni b. Abd. Manaf  3. En. Muslim b. Yahya  4. En. Kamal b. Aziz  5. Pn. Suriyatei bt. Mahmud  6. Cik Norrishah bt. Wahid</p>	
8.	<u>Perlantikan Juruudit I991/I992</u>	
8.1	<p>Majlis bersetuju melantik -</p> <p>Juruudit 1 : En. Bakar b. Talib  Juruudit 2 : En. Che Pa b. Shafiee</p>	
9.	<u>Usul-usul dan cadangan</u>	
9.1	En. Aziz b. Khamis mencadangkan diadakan guru sukan.	Penasihat
9.2.	En. Zainol Rashid b. Murad mencadangkan PIBG mencari jalan untuk menambahkan duit PIBG.	AJK
9.3	En. Alias b. Yaakob mencadangkan diadakan kelas tambahan pada hari Selasa.	Guru-guru
9.4	Pn. Ropian bt. Musa meminta dipercepatkan kemasukan air paip ke sekolah.	Penasihat
9.5	En. Aziz b. Khamis mencadangkan diadakan tempat duduk di bawah pokok untuk murid.	
9.6	En. Zainol Rashid b. Murad mencadangkan yuran PIBG dinaikkan dari \$2.00 ke \$3.00.	Bendahari

BIL.	PERKARA/ AGENDA	TINDAKAN
9.7	En. Mansur Sulaiman mencadangkan AJK yang tidak hadir mesyuarat didenda \$10.00.	
9.8	TN. Hj. Othman Ahmad mencadangkan waris yang tidak hadir mensyuarat didenda \$5.00.	Bendahari
9.9	Pn. Siti Awan Baharom mencadangkan diseragamkan tudung warna putih kepada semua murid perempuan.	Penasihat
9.10	Tn. Hj. Othman Ahmad mencadangkan para waris berjumpa guru besar atau Yang DiPertua PIBG jika ada masalah tentang sekolah.	Para waris.
9.II	En. Mansur Sulaiman mencadangkan supaya ibubapa yang memasuki kawasan sekolah dengan tujuan untuk mengancam guru diambil tindakan polis.	
IO.	<u>Hal-hal lain.</u>	
IO.1	En. Che Pa menerangkan tentang rancangan pembinaan surau dan mencadangkan kutipan derma diperluaskan kepada seluruh penduduk Pulau Tuba dengan kutipan \$5.00. seorang.	
IO.2	En. Saad Hussin meminta guru-guru baru memperkenalkan diri.	
II.	<u>Ucapan Penangguhan.</u>	
II.1	Pengerusi meminta ibubapa memberi kerjasama kepada guru serta memberi perhatian kepada pelajaran anak-anak untuk kemajuan mereka.	Para waris
II.2	Pengerusi juga mengucapkan terima kasih di atas perlantikan AJK baru.	
II.3	Pengerusi juga mengingatkan tanggungjawab guru yang merupakan nadi penggerak anak bangsa. Beliau juga berharap guru-guru dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.	Guru-guru.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 6.35 petang.

Disediakan oleh,  
.....  
(RASLI CROSLI B. YCB)  
Setiausaha PIBG  
Sek. Keb. Pulau Tuba,  
07000 Langkawi,  
Kedah Darulaman.

Disemak oleh,  
.....  
(En. Abu Bakar b. Man)  
Yang Di Pertua PIBG,  
Sek. Keb. Pulau Tuba,  
07000 Langkawi,  
Kedah Darulaman.

Pencatat: 1. En. Muslim b. Yahya  
2. Pn. A. Rahayani bt. Abd. Rasid

Catatan : Minit mesyuarat ini disahkan pada .....  
Dicadangkan oleh .....  
Disokong oleh .....